

Tazkirah Senat

26 Januari 2022

(Rabu)

Azam Baru Dengan Tajdid & Islah

Makna Tajdid & Islah

- Perkataan “Tajdid” (تجدید -baru) merujuk kepada makna pembaharuan.
- Ia adalah pembaharuan yang melibatkan dalam sesuatu bidang, kerjaya atau lapangan.
- Tajdid dengan makna sayyarahu jadidan (سیره جدیدا) membawa makna **menjadikannya baru @ bernafas baru**.
- Istilah lain yang biasa digunakan dengan maksud yang sama ialah ‘Islah’ (إصلاح) yang bermakna **pembaikan**

Tajdid Dalam Agama

Asas Tajdid dalam Islam adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه : أن رسل الله صلى الله عليه وسلم قال :
 إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

Daripada Abu Hurairah RA berkata sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya Allah SWT akan membangkitkan bagi umat ini pada awal setiap seratus tahun orang yang mentajdidkan untuk (umatnya), agamanya. (riwayat: Abu Daud)

Tajdid yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW bukanlah menggantikan atau mengubah agama, akan tetapi - seperti dijelaskan oleh Dr Abas Husni Muhammad.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :

إِنَّ اللَّهَ

يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ

عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ

مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

حديث صحيح - أخرجه الألباني في (صحيح أبي داود)

Bassam A. Hous

Maksud Tajdid Dalam Agama

Tajdid dalam agama yang dimaksud oleh Dr Abbas Husni Muhammad dalam bukunya Fiqh Islam adalah mengembalikannya seperti asalnya @ memurnikannya.



Tajdid al-Ijtihad

- Secara spesifiknya, Tajdid boleh diertikan juga dengan Tajdid al-Ijtihad (تجدید الإجتہاد) atau berijtihad semula selepas mengalami kemelut Taqlid iaitu
 - mengikut tanpa hujah
 - mengikut dengan membuta tuli
- Tajdid al-Ijtihad adalah proses yang berlaku secara berterusan dari satu masa kesatu masa yang lain.
- Tajdid al-Ijtihad mengalami proses perubahan mengikut situasi, masa, tempat dan keadaan.

Tajdid & Islam Dalam Kerangka PGU - Dari Fasa I Ke Fasa IV

Fasa I: 2011-2014

- **Penjajaran Universiti Global (Alignment for Global University).** Dalam fasa ini, strategi, struktur dan budaya ilmu di UTM memberi fokus kepada penyediaan ekosistem yang bercitra global.
- **Usaha untuk menggiatkan proses pengantarabangsaan dari segi sasaran KAI, keserjanaan, komposisi pensyarah dan mahasiswa, kemudahan akademik dan prasarana kampus, jaringan akademik, kerjasama antarabangsa, penjenamaan dan sebagainya.**

Tajdid & Islam Dalam Kerangka PGU - Dari Fasa I Ke Fasa IV

Fasa II: 2015-2017

- Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (High Impact Program). Fasa ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan program berimpak tinggi.
- Menggunakan sumber kewangan dan modal insan yang besar daripada segi bidang serta fokus pengajian, penyelidikan, kokurikulum, jaringan antarabangsa, penjenamaan dan pemasaran.

Fasa III: 2018-2020

- Pelaksanaan Program STAR (Strategic Transformation and Advanced Research). Fasa ini merupakan lonjakan untuk membolehkan staf dan mahasiswa UTM berada pada posisi lebih selesa.
- Mereka bersaing dengan warga universiti ternama dunia daripada segi produktiviti penyelidikan, penerbitan, harta intelek dan lain-lain.
- Menjana minda kelas pertama, ekosistem kampus, budaya kerja dan dukungan kewangan pelbagai sumber.

Tajdid & Islam Dalam Kerangka PGU - Dari Fasa I Ke Fasa IV

Fasa IV-UTM enVision 2025

- Misi dan visi universiti dalam era Industrial revolution 4.0, Big data research, data services, digital literacy dan lain-lain.
- Menginstitusikan ISES berdasarkan 4 nilai teras iaitu Integrity, Sinergy, Excellence, Sustainability dan pemeraksanaan bakat UTM.

Peranan Kita

- Sebagai warga UTM kita perlu memainkan peranan sebagai player dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Global UTM sejak dari Fasa pertama sehinggalah Fasa envision 2025
- Untuk merealisasikan, ia bukan sahaja terletak di bahu staf pengurusan dan staf akademik, malah staf pelaksana dan staf sokongan perlu berganding bahu memainkan peranan masing-masing terhadap inisiatif-inisiatif yang dirangka.

Peranan Kita

- Hikmah dan kebijaksanaan kita, ketika perangkaan enVision 2025 dilaksanakan, ia menggabungkan pasukan tenaga akademik muda dan bimbingan fasilitator dan Otai2 senior.
- Demi menjayakan gagasan besar Pelan Global UTM. DNA UTM Terus Di Pelihara. Wasiat Agama Tetap Dijaga.
- UTM Sanjungan Bangsa

Peranan Kita...

Semua pihak dalam sebuah organisasi UTM perlu menghayati kisah Nabi Ibrahim AS ketika baginda dibakar oleh Raja Namrudz. Kejadian itu disaksikan oleh seekor burung pipit. Ia berbolak-balik terbang untuk mencari air yang mana burung tersebut mengisi air ke dalam paruhnya kemudian dilepaskannya ke atas unggun api yang membakar Nabi Ibrahim AS. Walaupun pada logik akal, berapa banyak air yang dapat dikendong oleh burung tersebut, burung tersebut tetap memainkan peranannya dalam membantu Nabi Ibrahim.

Begitulah Hendaknya Kita
KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA

يُزَاكِرُ اللّٰهَ كَثِيْرًا

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيْقِ وَالْهُدَايَةِ
وَبَارِكِ اللّٰهَ فِيْكُمْ وَأَتَابِكُمْ اللّٰهُ الْجَنَّةِ
وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ